

**DOCX.MY**

**BERITA ONLINE ANDA!**

Info semasa, Terkini, Viral, Agama, Pendidikan,  
Makluman, Resepi, Informasi Kerajaan Dan Lain-Lain

INFO LANJUT

[www.docx.my](http://www.docx.my)



**DOCX.MY**  
SENANG DOWNLOAD

## LORD DIKUTUK OLEH TEN HAG KERANA BENDA INI



DUBLIN, Ireland: Pengurus Manchester United, Erik ten Hag mengecam cara pasukannya melepaskan gol ketika menentang Athletic Bilbao pada aksi persahabatan pramusim di Dublin malam tadi.

United berdepan kelab gergasi Sepanyol itu pada aksi terakhir pramusim menjelang kempen baharu Liga Perdana Inggeris dan

perlawanan berakhir 1-1 dengan Facundo Pellistri menyelamatkan air muka mereka dengan gol penyamaan pada masa kecederaan.

Bagaimanapun Red Devils melepaskan gol dalam satu lagi kesilapan pertahanan kali ini daripada Harry Maguire, apabila pemain England itu tersalah congak satu hantaran yang disambar pemain Bilbao dan pantas melorongkannya kepada Nico Williams.

Williams tidak berdepan masalah meledak masuk untuk meletakkan anak buah Ernesto Valverde di depan.

Ten Hag bercakap kepada MUTV selepas perlawanan dan berkata: "Ia satu gol bodoh, kami ketinggalan tetapi kami menyamakan kedudukan. Kami mempamerkan karakter dan itulah yang kami perlukan bagi musim baharu tidak lama lagi."

Beliau kemudian mengulangi komennya mengenai kegagalan benteng pertahanan berfungsi dengan baik sebelum setengah jam perlawanan yang membantu Bilbao mendahului sebagai "bodoh."

Pengendali dari Belanda itu juga menegaskan pemainnya mempamerkan karakter hebat dan berjuang selepas ketinggalan.

"Mereka tidak berputus asa, mereka berjuang hingga ke akhir. Saya gembira kami meraih gol penyamaan tetapi kami perlu bekerja keras untuk mendapatkannya."

Beliau turut memuji beberapa pemain akademi yang bukan hanya tampil di Stadium Aviva malam tadi tetapi hampir sepanjang jelajah pramusim di Amerika Syarikat.

"Mereka berhak mendapat tempat, kalau tidak kami tidak menurunkan mereka. Ketika pramusim, saya perlu memberi mereka peluang untuk membuktikan keupayaan diri."

Bagi juara Inggeris sebanyak 20 kali itu, tumpuan kini terarah kepada aksi menentang Wolves pada 14 Ogos di Old Trafford.

Kredit:Berita Harian Online